

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PRA PELANCARAN SMART CARD KELUARGA PELADANG (PELADANG-i) & COUNTDOWN

HPPNK 2021

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

"Terima Kasih Keluarga Agro"

10 NOVEMBER 2021 (RABU)

DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR, MENARA LPP





KAD PINTAR KELUARGA PELADANG-*i* DILANCAR SEMPENA HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) 2021

Kad Pintar Keluarga Peladang (PELADANG-*i*) dilancarkan pada 10 November 2021 sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) tahun 2021 yang akan disambut secara hibrid, di *The World Trade Centre* Kuala Lumpur (WTCKL) pada 21 hingga 23 Disember ini. Pelancaran disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan dalam Majlis Pra-Pelancaran *Smart Card* Keluarga Peladang dan Countdown Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK 2021).

Kad Pintar yang diperkenalkan ini merupakan kad identiti keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai dalam urusan ahli dengan semua operasi perniagaan Pertubuhan Peladang. Pada masa yang sama, melalui pemilikan Kad Pintar ini juga ahli peladang akan diberi perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga RM5,000 atas musibah yang berlaku dengan sumbangan ahli seminima hanya lima ringgit sahaja setahun. Skim ini selaras dengan sokongan dan galakan Kerajaan melalui Bajet 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM5 juta supaya semua ahli PPK seluruh Malaysia diberi perlindungan takaful di bawah Skim Perlindungan Takaful Kad Pintar.

Kerajaan menjangkakan seramai lebih 920 ribu ahli peladang akan berpeluang menikmati manfaat dan kemudahan Kad Pintar Keluarga Peladang (PELADANG-*i*) ini. Di samping itu, penggunaan Kad Pintar oleh semua ahli peladang akan memudahkan Kerajaan dalam mengakses maklumat golongan sasaran untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif. Manakala data dan maklumat keahlian yang ada termasuk pendapatan, lokaliti memudahkan Kerajaan menyediakan dasar dan identiti peladang juga dapat dasar yang lebih holistik bagi golongan masyarakat Peladang khususnya petani, penternak dan nelayan.

Turut hadir di majlis ini adalah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dr. Nik Zawawi Haji Saleh, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI), YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), YB Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) YBhg. Dato' Azulita Binti Salim dan Penanggung Tugasan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agribank, Puan Khadijah Iskandar .

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee turut melancarkan *Road to HPPNK 2021*. Bertemakan "Terima Kasih Keluarga Agro" sambutan Hari Peladang Penternak dan Nelayan 2021 pada tahun ini buat julung kalinya akan dilaksanakan secara hibrid. HPPNK merupakan *signature event* Kementerian yang diadakan dwi tahunan sebagai penghargaan kerajaan ke atas sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang merupakan wiratani serta penyumbang utama kepada sekuriti makanan negara.

5 DEKAD, 1 AZAM: SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN LKIM MENGHARGAI NELAYAN

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee menyempurnakan Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM di Dewan Besar LKIM, Pulau Meranti, Puchong pada 1 November 2021.

1 November 2021 menandakan genap usia 50 tahun LKIM sejak penubuhannya pada 1 November 1971. Setelah 5 dekad, kejayaan LKIM dalam pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan produktivi tangkapan hasil laut dan mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan menerusi pelbagai bidang di keseluruhan rantai perikanan yang melibatkan seperti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliran telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan dari semasa ke semasa.

Turut hadir dalam program ini, YB Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Encik Yusoff Othman, Ketua Pengarah LKIM, dan Tuan Haji Abdul Hamid Bahari, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

Bagi tahun 2021, MAFI melalui LKIM telah memperuntukkan sebanyak RM6.43 juta untuk baikpulih rumah nelayan dan pembinaan rumah baharu kepada nelayan bagi seluruh negara di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN). Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, secara keseluruhan, selain PKPN, MAFI melalui LKIM juga telah memperuntukkan lebih RM150 juta pada tahun ini bagi bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan seluruh negara yang merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program Food Basket Nelayan. ESHN pada tahun ini juga dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan untuk nelayan laut yang telah memberi manfaat kepada lebih 40 ribu nelayan laut.



Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata usaha pembangunan sektor perikanan terus diberi penekanan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Sektor agromakanan dijangka berkembang dengan peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan mekanisasi dalam aktiviti pertanian termasuk aktiviti perikanan. Tambah beliau lagi, MAFI sedang melaksanakan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN) sebagai usaha memperkukuh daya tahan sistem makanan negara dengan menggariskan lima teras strategik iaitu perluasan pengguna teknologi, pemeraksanaan kajian dan penyelidikan, pemeraksanaan data sekuriti makanan, perluasan kolaborasi strategik, serta pengukuhan jabatan dan agensi.

MAFI akan menerima RM1.7 bilion ringgit bagi meneruskan pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian serta perikanan untuk tahun 2022. Kerajaan juga memperuntukan dana khas sebanyak RM120 juta yang antara lain, bagi tujuan program pembangunan industri akuakultur dan kerang. Ini mencerminkan Kerajaan sentiasa prihatin dan tidak mengeneppikan mana-mana kumpulan sasar Keluarga Malaysia termasuk golongan nelayan.



PENYERAHAN MESIN KEPADA PESERTA PROJEK REZEKI TANI DAN ANAK POKOK KEPADA PESERTA PERINTIS DI NEGERI MELAKA

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada 7 November 2021 mengadakan Majlis Penyerahan Mesin kepada Peserta Projek Rezeki Tani dan Anak Pokok kepada Peserta Projek Perintis masing-masing di Pekan Sg. Rambai dan Jasin Melaka. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk seri Haji Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Secara umumnya, Program Rezeki Tani merupakan Projek Azam Tani yang dijenamakan semula pada tahun 2019 di mana ia merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang diselaraskan pelaksanaannya oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Objektif Program Rezeki Tani ialah membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui pemberian bantuan projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran/pemrosesan/pengedaran/pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan, mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan-latihan disediakan dan mengenal pasti peserta-peserta yang berpotensi untuk dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi.

Projek Perintis MARDI merupakan pemindahan teknologi melalui pengukuhan jalinan kerjasama antara agensi pengembangan dan industri. Ia bermula dari tahun 2022 hingga 2025. Pemindahan teknologi yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya melalui 10 projek perintis setahun. Peserta-peserta yang terpilih perlu berdaftar sebagai peserta di bawah MARDI melalui Pejabat MARDI Negeri dan mendapat pengesahan di peringkat negeri.

Pada majlis ini, En. Abdul Ghafar Abdullah, peserta Projek Rezeki Tani, Pemprosesan Cendol dipilih sebagai penerima mesin bagi tahun 2021. Manakala 5 orang peserta Projek Perintis pula akan menerima anak Pokok Durian MDUR 88. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI, YBrs. Encik Nik Adli Nik Muhammad, Pengarah MARDI Negeri Melaka, Barisan Pengurusan Kanan MARDI, kakitangan MARDI Melaka serta semua yang terlibat dalam majlis tersebut.



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II KE INSTITUT BIODIVERSITI VETERINAR KEBANGSAAN (IBVK)



YB Dr. Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mengadakan lawatan kerja ke Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) pada 25 November 2021.

Dalam Lawatan tersebut YBTM II diberi taklimat oleh Dr. Saifullizam Abd Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Ternakan sebelum ke Makmal Pengumpulan Semen Beku. Lawatan diteruskan dengan demonstrasi pengumpulan semen dan lawatan bagi melihat baka - baka ternakan yang ada di IBVK antaranya *Belgian Blue*, *Mafriwal*, *Holstein Friesien*, *Limousin*, *KK Elit* dan *Wagyu*.

Turut hadir sama dalam lawatan ini ialah, YB Senator Balasubramaniam A/L Nachiappan, Ahli Dewan Negara, YB Zuridan Mohd Daud, ADUN Damak, YBhg. Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr. Kamaliah Ghazali, Pengarah DVS Negeri Pahang dan Dr. Nor Shazlina Mohamed Sharif, Pengarah IBVK.





PROGRAM MAFI PRIHATIN DAN WALKABOUT PERTANIAN BANDAR NEGERI SELANGOR

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyempurnakan Program MAFI Prihatin dan *Walkabout* Program Pertanian Bandar Negeri Selangor di Pangsapuri Sri Ayu, Bandar Putera, Klang, Selangor pada 18 November 2021.

Menurut beliau, program tersebut merupakan platform terbaik pihak MAFI untuk merasai denyut nadi rakyat dalam membantu kumpulan sasar merasai kesan positif daripada limpahan ekonomi pertanian melalui projek pembangunan berimpak tinggi seperti Program Kebuniti Jabatan Pertanian. "Projek ini merupakan aktiviti yang semakin mendapat perhatian dan minat masyarakat kerana dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19," jelas Dato' Haslina.

MAFI melalui Jabatan Pertanian memperuntukkan sebanyak RM6.36 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor merangkumi pelbagai insentif bagi menyokong pembangunan industri agromakanan negara bagi tahun 2021. Menurut YBhg. Dato' Zahimi Hassan, Ketua Pengarah Pertanian, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.6 juta bagi Program Kebuniti yang telah memberi manfaat kepada 117 komuniti yang terdiri daripada 1,400 golongan sasar di negeri Selangor.

Program ini turut mendapat kerjasama Persatuan Gabungan Pekebun Buah-Buahan Malaysia (FMFFA) dan Persatuan Pekebun Buah-buahan Negeri Selangor/Kuala Lumpur yang melaksanakan inisiatif *Corporate Social Responsibility* (CSR) melalui sumbangan 600 bakul makanan berupa bahan makanan asas seperti beras, gula, tepung dan sebagainya untuk diserahkan kepada kumpulan sasar yang dikenalpasti.

Turut serta YBhg. Dato' Zahimi Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, YBrs. Encik Azahar Ibrahim, Pengarah Pertanian Negeri Selangor, YBrs. Encik Hong Jok Hon, Pengerusi Persatuan Gabungan Pekebun Buah-Buahan Malaysia, YBrs. Encik Richard Thang See Ong, Presiden Persatuan Buah-buahan Negeri Selangor/Kuala Lumpur dan YBrs. Tuan Haji Kamarulzaman Masri@Shaarani, Pengerusi Pangsapuri Sri Ayu, Bandar Putera Klang, Selangor.

LAWATAN KERJA MAFI KE NEGERI SABAH DAN PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM REZEKI TANI



YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI mengetuai Program Lawatan Kerja Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ke Negeri Sabah pada 15 November 2021.

Dalam program lawatan tersebut, YBhg. Datuk TKSU (P) menyerahkan bantuan menerusi Program Rezeki Tani kepada usahawan di Kampung Skim Pamalan Liawan, Keningau. MAFI terus memberi fokus Negeri Sabah sebagai hub pengeluaran agromakanan demi menjamin bekalan makanan negara pada masa hadapan.

Turut serta dalam lawatan tersebut, YB. Datuk Anuar Ayub, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Liawan, Tuan Haji Abd. Razak bin Said, Timbalan Pengarah LPP Sabah dan Encik Sebastian Chew, Timbalan Pengarah FAMA Sabah.



9 - 12 DISEMBER 2021
PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC) | 9.00 PAGI - 10.00 MALAM



SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
 KETUA SETIAUSAHA
 KEMENTERIAN PERTANIAN
 DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
SALMAH BINTI RAMLI

EDITOR:
YOSRI BIN ABU MAHSIN
NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN

PENULIS:
DARLEENA ANAK DICKIE UMPANG

GRAFIK:
SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

JURU FOTO:
MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI